

05 APR 2002

Mahathir-Layanan (Bergambar)

BERI LAYANAN MESRA KEPADA PELANCONG - DR MAHATHIR

LANGKAWI, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta penduduk Langkawi memberi layanan mesra kepada setiap pelancong asing kerana mereka merupakan sumber pendapatan utama bagi pulau bebas cukai ini.

Perdana Menteri berkata pelancong yang ramai akan meningkatkan lagi taraf ekonomi pulau ini serta meningkatkan taraf pendapatan negara.

Menurutnya pelancong yang berpuas hati dengan layanan mesra pasti akan kembali ke Langkawi.

"Kepada penduduk pulau ini, walaupun mereka tidak terlibat secara langsung dalam industri pelancongan, saya meminta berilah layanan mesra dengan berbudi bahasa dan bersikap baik kepada setiap pelancong," katanya semasa berucap merasmikan pusat beli belah Skymall di Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di sini.

Beliau berkata peningkatan taraf ekonomi yang dinikmati oleh penduduk Langkawi sekarang adalah kerana kedatangan semakin ramai pelancong.

Dr Mahathir berkata negara jiran sebelah utara maju dalam sektor pelancongan kerana menunjukkan tahap layanan begitu tinggi kepada pelancong yang mengunjungi negara itu.

Perdana Menteri juga memberikan dua contoh sikap tidak baik yang boleh merosakkan sektor pelancongan negara.

"Ada seorang pemandu teksi yang membawa pelancong asing telah ditanya oleh kawannya, lantas pemandu itu menjawab beliau mahu membawa "beruk" (pelancong) itu pergi berjalan-jalan. Sedangkan pelancong asing itu memahami bahasa Malaysia.

"Yang keduanya seorang nelayan yang mengusahakan bot membawa pelancong bersiar-siar ke pulau pelancongan dengan menetapkan masa tertentu. Tetapi nelayan itu mementingkan diri sendiri dengan tidak mahu mematuhi masa yang telah dijanjikan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sikap seperti itu mencemarkan imej negara dan pelancong berkenaan mungkin tidak mahu kembali ke Malaysia kerana menganggap rakyat Malaysia penipu.

"Malahan, mereka akan menyebarkan perkara itu kepada rakan yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata dalam sektor pelancongan, sikap mengutamakan pelanggan adalah amat penting.

Pusat beli belah itu dimiliki oleh DR Group Holding Sdn Bhd yang melabur RM3 juta untuk menjadikan terminal itu pusat beli belah berkonsepkan "di bawah satu bumbung".

Menurut Pengarah Urusannya Datuk Dahlan Rashid, konsep pusat beli belah di lapangan terbang sudah wujud di banyak lapangan terbang di negara-negara maju.

Pusat beli belah itu mula di buka pada Februari lepas dan sekarang mempunyai 30 operator yang menjual barangan tempatan dan import termasuk dari jenama terkenal.

-- BERNAMA

MZM NAK